

Isu Israel: Anwar jumpa Nik Aziz dalam masa terdekat
MalaysiaKini.com
February 15,2012
Abdul Rahim Sabri

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan bertemu sendiri dengan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Aziz Nik Mat yang mendesak ketua umum PKR itu supaya menarik balik atau menyaman akhbar Wall Street Journal (WSJ) berhubung isu keselamatan Israel.

Timbalan Presiden PKR, Azmin ALi berkata Anwar akan bertemu Nik Aziz dalam masa terdekat selepas dijadualkan kembali dari Thailand hari ini.

Kelmarin, mursyidul Am PAS itu mahu Anwar menarik balik kenyataannya yang menyokong usaha melindungi keselamatan Israel seperti yang dilaporkan WSJ baru-baru ini ataupun menyaman majalah itu jika laporan berkenaan adalah tidak benar.

Nik Aziz membuat gesaan itu dibuat selepas dipersetujui sebulat suara oleh Majlis Syura Ulama PAS yang juga selari dengan pendirian parti itu supaya tidak mengiktiraf negara Israel.

Menteri besar Kelantan itu dilaporkan berkata, pendirian PAS tegas dan tetap dengan prinsip, sekali-kali tidak mengiktiraf negara Israel sebagaimana yang juga ditegaskan menerusi pendirian di kalangan gerakan Islam antarabangsa.

Sebaliknya, tambah Nik Aziz, PAS menyokong sepenuhnya perjuangan rakyat Palestin yang dihina di bumi sendiri.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/189218>